

# Jangan halang mereka beraksi wakili negeri

**Malik Muhamad**

sukanteam@hmetro.com.my

**Kuala Terengganu:** "Jika syarat membenarkan atlet yang beraksi di pentas Sukan Olimpik secara 'wild card' bertanding dalam kejohanan Sukan Malaysia (Sukma), usah halang mereka beraksi mewakili negeri," bekas raja pecut negara dan Asia Tenggara, Nazmizan Muhammad.

Bagaimanapun, katanya, jika peraturan dalam sukan terbesar tanah air itu tidak membenarkan atlet yang bertarung dalam Sukan Olimpik secara 'wild card' itu beraksi pada pentas Sukma, perlunya ada budi bicara pihak bertanggungjawab.

"Sebab ia bakal meningkat lagi prestij dan pengiktirafan kejohanan Sukma itu sendiri kerana telah berjaya melahirkan atlet berwibawa selain sudah pasti peminat mahu melihat atlet bertanding di peringkat tertinggi beraksi dalam pentas Sukma, namun perlu ada had penyertaan contohnya hanya satu acara individu dan satu acara berpasukan," katanya ketika dihubungi semalam.

Pemerhati sukan negara itu berkata demikian bagi mengulas isu pelari pecut wanita Terengganu, Azreen Nabila Alias, dihalang beraksi dalam pentas Sukma

di Lembah Klang bermula 29 September hingga 8 Oktober depan atas alasan pelari itu sudah beraksi bersama negara dalam Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun tahun lalu.

Nazmizan yang kini menjawat jawatan Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pengajian Tinggi berkata, jika atlet itu dihalang beraksi, beliau bimbang selepas ini atlet yang layak beraksi atas tiket 'wild card' dalam pentas tertinggi dunia tidak mahu bertanding.

"Situasi itu sudah pasti boleh merugikan pelbagai pihak termasuk atlet itu sendiri selain pelaburan yang banyak daripada kerajaan negeri untuk melahirkan seseorang atlet, tapi akhirnya tidak dapat beraksi di Sukma."

"Justeru Jawatankuasa Tertinggi Sukma perlu memikirkan kembali secara lebih mendalam keputusan tidak membenarkan Azreen Nabila beraksi kerana ia peluang cerah buat atlet itu memperbaiki catatan masa yang dilakar sebelum ini serta persaingan hebat antara atlet pasti dapat disaksikan.

"Lagipun ia sebagai medan terbaik buat atlet kelahiran Setiu itu untuk membuktikan kemampuan pada pentas kompetitif Sukma yang terakhir buatnya kerana usianya kini sudah 22 tahun. Selain itu dengan banyak pendedahan yang diberikan kepada atlet itu, ia boleh memantapkan lagi prestasi lairannya sekali gus negara tidak ketandusan pelari berbakat besar," katanya.

Kelmarin kerajaan negeri Terengganu kesal apabila hasrat Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) untuk menyenaraikan nama penuntut Universiti Putra Malaysia

(UPM) dalam jurusan Sarjana Muda Komunikasi beraksi pada pentas Sukma mewakili Terengganu musim ini ditolak Jawatankuasa Tertinggi Sukma atas alasan pelari itu menyertai negara ke Sukan Olimpik Tokyo tahun lalu.

Kerajaan negeri melalui MSNT juga sudah membuat rayuan dengan mengumukakan justifikasi yang kukuh dipilih secara 'wild card' dalam masa sebulan sebelum Sukan Olimpik Tokyo membuka tirainya, namun juga ditolak.

**Jawatankuasa  
Tertinggi Sukma  
perlu memikirkan  
kembali secara lebih  
mendalam**

**Nazmizan  
Muhammad**